

28 JUN 2002

MCA-Resolusi

PEMUDA MCA TERIMA KEPUTUSAN PENGUNDURAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Pemuda MCA hari ini menerima keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berundur dan menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau untuk memimpin negara menuju kecemerlangan.

"Langkah Perdana Menteri Dr Mahathir memilih untuk mengundurkan diri pada masa kegemilangannya amat mengejutkan rakyat dan kita (Pemuda MCA) berasa sayang sekali terhadap kehilangan seorang pemimpin yang berkaliber."

Sayap pemuda parti komponen kedua terbesar Barisan Nasional (BN) berkata demikian dalam resolusi yang dibuat di Perhimpunan Agung Tahunan ke 39 Pergerakan Pemuda MCA di ibu pejabat parti itu.

Pergerakan itu berasa lega dengan keputusan Dr Mahathir untuk terus memegang jawatannya sehingga Oktober 2003 agar peralihan kuasa pucuk pimpinan negara dapat dilakukan dalam suasana yang teratur.

Dalam satu lagi resolusi, Pemuda MCA menyeru agar rakyat menolak Hukum Hudud dan dasar-dasar lain parti PAS yang menghina wanita.

"Kerajaan Terengganu yang ditadbir PAS ingin meluluskan Hukum Hudud ala PAS yang menghina kaum wanita negeri itu dan ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan untuk beragama," katanya.

Pemuda parti itu juga membidas DAP kerana "hubungan sulitnya" dengan PAS yang menggadaikan kepentingan kaum Cina di negara ini.

Daripada segi ekonomi pula, Pergerakan Pemuda MCA mahu kerajaan memberi peluang kepada masyarakat pelbagai kaum untuk turut serta dalam pembangunan negara.

"Pemuda MCA ingin menyeru kepada Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan "Tabung Usahawan Belia" untuk memberi bantuan dana kepada usahawan muda tanpa mengira kaum supaya lebih ramai usahawan dapat dilatih," katanya dalam resolusi yang lain.

Pergerakan itu juga menyeru pengusaha industri kecil dan sederhana meningkatkan lagi produktiviti, meningkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran penyertaan negara China ke WTO dan penubuhan AFTA.

Pemuda MCA juga mahu masyarakat Cina meningkatkan jalinan ikatan keluarga dan nilai moral.

Pergerakan itu juga memohon pihak polis mengambil tindakan menyeluruh bagi menyekat dan membanteras gejala mesin kuda dan penyalahgunaan pil Ecstasy yang membawa padah kepada golongan muda.

Dalam resolusi mengenai pendidikan, Pemuda MCA menyokong penuh dasar kerajaan membuka pintu bagi pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains MARA dan program matrikulasi dengan kuota 10 peratus.

Pemuda MCA juga mahu kerajaan mengambil langkah mengurangkan masalah polarisasi kaum di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan menambahkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan silatullahim antara kaum supaya mencapainya keharmonian dalam masyarakat majmuk.

"(Kami) Menyeru pucuk pimpinan parti dan masyarakat Cina, berganding bahu dan berusaha untuk memperkukuhkan penguasaan masyarakat dalam Bahasa Inggeris," katanya dalam satu lagi resolusi.

Pergerakan Pemuda itu juga menyeru Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem pengambilan pelajar baru ke IPTA, supaya satu sistem yang lebih adil, saksama dan telus dapat dilaksanakan.

-- BERNAMA

AT SR PR